

**WANITA MELAYU DAN TUMBUHAN UBATAN:
SATU ANALISIS BUDAYA**

(*MALAY WOMEN AND MEDICINAL PLANTS: A CULTURAL ANALYSIS*)

AISHAH@ESHAH HAJI MOHAMED

ABD. AZIZ HAJI. BIDIN

ABSTRAK

Ubat-ubatan daripada sumber tumbuhan banyak digunakan oleh wanita semasa mengandung, bersalin dan dalam pantang Tujuan mereka menggunakan ubatan di masa-masa tersebut adalah untuk menghindari daripada keguguran, mempermudahkan proses bersalin dan mengembalikan kesihatan diri kepada keadaan asal serta kesihatan bayi terjaga. Makalah ini mempunyai tiga tujuan utama, iaitu (a) mengenalpasti tumbuhan ubatan yang digunakan oleh wanita semasa bersalin dan semasa dalam pantang (b) alasan mereka menggunakan ubatan tersebut dan (c) kesan penggunaan tumbuhan ubatan tersebut dari pada sudut budaya Melayu. Asas perbincangan ini ialah data daripada pemerhatian dan temu bual mendalam dengan 30 orang wanita Melayu yang pernah bersalin serta lima orang bidan kampung di Kelantan hasil kajian yang dilakukan pada tahun 2007 hingga ke 2009. Didapati kepercayaan tentang keseimbangan tubuh, magis dan nilai mempengaruhi mereka dari segi penggunaan tumbuhan ubatan. Buah kembang semangkuk dan minyak kelapa banyak digunakan untuk memudahkan proses bersalin. Bahan daripada tumbuhan yang mempunyai rasa pahit dan pedas (seperti rempah ratus, kunyit dan halia) banyak digunakan dalam rebusan air hangat untuk diminum, dimakan mentah atau digunakan sebagai bahan untuk disapu ke tubuh semasa dalam pantang selepas bersalin.

Kata Kunci: Wanita, tumbuhan ubatan, bersalin, dalam pantang dan kepercayaan

ABSTRACT

Medicines derived from plant materials are widely used by Malay women during pregnancy, delivery and confinement to avoid miscarriages, complication during delivery, restore good health and avoid future ill health both for mothers and babies. Using the Malay cultural perspective, the paper has three objectives, namely to identify the Malay women during pregnancy, delivery and confinement, the reason behind the usage and the curative values of the plants. The discussion is based on the data collection through observation and in-depth interviews with 30 Malay respondents and four traditional midwives in Kelantan in 2007 and several short follow-up in 2009. The analysis shows that the balancing of hot and cold, the symbolism of blood, and the metaphors of openness and obstruction influence the Malay women to uses medicinal plants.

Key words: *Women, medicinal plant, blood, hot and cold and confinement*

Pengenalan

Keupayaan wanita untuk mengandung dan bersalin amat penting kepada pengeluaran modal insan, sosial dan ekonomi keluarga serta negara (Castaneda, Garcia & Langer 1996). Dalam melaksanakan peranan tersebut, wanita menanggung kesakitan sekiranya berlaku komplikasi semasa mengandung dan bersalin, jangkitan penyakit kepada sistem reproduksi (terutama sekali penyakit kelamin dan AIDS)(Petchesky 2003). Mereka juga menanggung beban sosial dan emosi kalau kurang berupaya memberi kepuasan seksual kepada suami, melahirkan anak atau anak lelaki dan perempuan. Suami boleh menjadikan alasan-alasan tersebut untuk berkahwin lain. Keupayaan mereka untuk mengandung, bersalin dengan selamat

dan mengamalkan pantang selepas bersalin bergantung kepada taraf ekonomi, pendidikan, pekerjaan, persekitaran keluarga dan nilai sosiobudaya. Peluang pendidikan mempengaruhi status dan kawalan wanita terhadap kehidupan, kesihatan dan kesuburan mereka yang seterusnya boleh mempengaruhi taraf kesihatan bayi. Kesihatan bayi bergantung kepada status kesihatan dan pemakanan ibu. Ibu yang sakit tidak berupaya untuk meneruskan kandungan apabila mengandung dan menjaga bayi dengan sempurna setelah ia lahir.

Wanita yang tahap pendidikan rendah kurang terdedah kepada informasi terkini tentang teknologi dalam kesihatan reproduksi. Mereka tidak tahu tentang kaedah merancang keluarga, mengatasi masalah ketaksuburan dan teknologi dalam kesihatan reproduksi yang ditawarkan oleh sistem perubatan moden yang boleh menghindari dan mencegah daripada pelbagai ketakselesaan dan penyakit (Beal 1998; Varga & Veale 1997; Petchesky 2003). Ini diburukkan lagi apabila mereka miskin. Kemiskinan hidup menghalang mereka mendapat rawatan daripada sistem perubatan moden semasa mengandung, bersalin dan dalam pantang serta masalah kesihatan reproduksi lain seperti ketaksuburan dan mengidap penyakit STD/AIDS (Raskin, Ribnick, Komarnytsky, Illic, Poulev, Borisjuk, Brinker, Moreno, Ripoll, Yakoby, Neal, Cornwell, Pastor & Fridlender 2002). Menghadapi masalah kesihatan reproduksimenyebabkan wanita kehilangan 36 peratus daripada keseluruhan hidup sihat mereka. Wanita ini, apabila tua masih mengalami masalah kesihatan reproduksi kerana masa tua ialah gambaran kehidupan reproduktif pada masa muda (United Nations <http://www.un.org/popin/unfpa/taskforce/guide/iatfreph.gdl.htm1>). Kekangan dari segi kewangan, informansi dan jarak memaksa golongan ini untuk memilih kaedah tradisional. Kaedah ini banyak melibatkan penggunaan tumbuhan ubatan untuk merawat, mencegah atau mempromosi kesihatan reproduksi wanita (Petchesky 2003; Barakat E. Abu-Irmaileh & Fatma U.Afifi 2003). Kaedah tersebut lebih murah harganya, senang didapati dan lebih

mudah untuk mereka mengamalkannya.

Tumbuhan ubatan digunakan oleh wanita untuk mengatasi masalah haid, kesuburan, ketaksuburan, komplikasi semasa mengandung, bersalin dan *dalam pantang*, simptom putus haid dan perubahan *mood* ekoran daripada putus haid (Varga & Veale 1997; Tesch 2001; Beal 2004; Katewa, Chaudhary & Jain 2004). Tidak ada peraturan yang khusus dari segi pengeluaran, penjualan dan penggunaan tumbuhan ubatan di kebanyakan tempat di dunia. Bahan daripada tumbuhan herba di Amerika Syarikat dijual sebagai *dietary supplement* dan bukan untuk tujuan mengdiagnosis, merawat, menyembuhkan atau mencegah penyakit (Tesch 2001). Bahan-bahan bersumberkan herba ini apabila telah dipasarkan tidak boleh dikeluarkan daripada pasaran begitu sahaja. Bahan tersebut mestilah terlebih dahulu dibuktikan tidak selamat dan buktinya diserahkan kepada *Secretary of Health and Human Services. The Food and Drug Administration* (FDA) di Amerika Syarikat tidak berkuasa untuk menguji *dietary supplement* tetapi boleh memberhentikan penjualan bahan tersebut sekiranya terbukti merbahayakan kesihatan pengguna. Setiap bahan herba di German hanya boleh dipasarkan apabila terbukti benar-benar selamat untuk digunakan (Tesch 2001). Setiap herba yang hendak dijual dinilai secara saintifik oleh Commission E, iaitu satu badan dalam *German Federal Health Agency*.

Makalah tentang penggunaan tumbuhan ubatan semasa bersalin dan *dalam pantang* (postpartum) dalam kalangan wanita Melayu daripada perspektif budaya ini mempunyai tiga tujuan utama. Pertama, memahami masalah kesihatan wanita semasa bersalin dan dalam pantang. Kedua, mengenalpasti alasan-alasan berkaitan dengan penggunaan tumbuhan ubatan, menyenaraikan jenis tumbuhan ubatan yang digunakan oleh wanita semasa bersalin dan dalam pantang. Ketiga, menyenaraikan jenis tumbuhan ubatan yang digunakan oleh wanita dalam mempercepatkan proses bersalin dan dalam pantang. Penghujahan di sini ialah perubahan yang berlaku, baik dalam

ekonomi global mahupun teknologi perubatan tidak mengubah sistem kepercayaan mereka tentang kebaikan dan kelebihan tumbuhan ubatan kerana adanya halangan ekonomi, informasi dan jarak. Tumbuhan ubatan di sini merujuk kepada tumbuhan ubatan yang (a) keseluruhan tumbuhan atau sebahagiannya digunakan dalam menyediakan ubat; (b) digunakan baik secara langsung atau tidak untuk mendapatkan bahan asli atau bahan ubatan semi-sintetik; dan (c) makanan dan rempah yang digunakan untuk tujuan perubatan. Tumbuhan ini boleh terdiri daripada satu atau lebih bahagian herba (tumbuhan kecil yang tidak berkayu seperti serai, kunyit, sirih dan pisang), syrab (tumbuhan berkayu yang bersaiz kecil seperti senduduk, pokok kapal terbang dan ros) atau pokok.

Perbincangan dalam makalah ini diasaskan kepada data yang dikumpulkan dengan menggunakan pemerhatian dan temu bual mendalam dengan 30 orang wanita Melayu yang pernah bersalin dan mengamalkan pantang, sedang dalam pantang. Temu bual mendalam juga dilakukan dengan empat orang informan utama yang terdiri daripada bidan kampung di empat daerah di Kelantan, iaitu Bachok, Kota Bharu, Kuala Krai dan Pasir Mas. Mereka ini dipilih kerana kesediaan, pengalaman dan pengetahuan yang mereka miliki tentang tumbuhan ubatan dan kesihatan reproduksi wanita. Kajian ini dilakukan sejak tahun 2007 hingga ke 2009. Pemerhatian dilakukan semasa wanita dalam pantang dengan memberi tumpuan kepada tumbuhan yang digunakan semasa mandi teresak, bertungku, berbekum, merawat luka dan mengembalikan keseimbangan tubuh. Makalah ini dibahagia kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama membincangkan tentang kesihatan wanita semasa bersalin dan dalam pantang. Perbincangan di bahagian kedua pula tertumpu kepada penggunaan tumbuhan ubatan oleh wanita semasa bersalin dan dalam pantang.

Kesihatan Wanita Semasa Bersalin Dan Dalam Pantang

Kesihatan wanita Melayu Kelantan semasa bersalin dan *dalam pantang* banyak dikaitkan dengan darah, tenaga, luka, bengkak dan gangguan makhluk ghaib. Mereka percaya proses bersalin meletakkan diri mereka dalam bahaya yang selalu diibaratkan sebagai “nyawa di hujung tanduk.” Istilah lekat uri, tertinggal uri, uri dan darah beku dan kotor tidak keluar habis, luka teruk ialah situasi yang amat ditakuti oleh majoriti wanita semasa bersalin. Mereka percaya, semasa mengandung, uri dan darah beku terbentuk dalam peranakan. Uri dan darah beku secara semula jadi keluar bersama-sama dengan bayi semasa proses bersalin. Namun begitu, ada juga keadaan di mana darah beku dan uri tertinggal atau tidak keluar habis semasa proses bersalin. Semasa proses bersalin juga darah keluar dengan banyak yang dalam sesetengah boleh menyebabkan tumpah darah. Tumpah darah boleh membawa kepada penyakit atau kematian kalau tidak diatasi dengan cepat kerana tubuh kekurangan darah dan mengalami ganggu makhluk ghaib.

Kekurangan darah boleh menyebabkan ketakseimbangan unsur tubuh. Tubuh menjadi tidak sihat apabila darah tidak berada dalam keadaan seimbang dari segi kuantiti dan kualiti, kepekatan dan kecairan, kemerahan dan kehitaman, kebersihan dan kekotoran serta kepanasan dan kesejukan. Mengikut keempat-empat orang bidan yang ditemu bual, darah bukan sahaja bahan yang mengalir dalam tubuh melalui saluran darah tetapi juga berkaitan dengan proses pembentukan, penyebaran dan penyimpanan bahan tubuh (seperti makanan dan janin). Sebagai bahan, darah mempunyai dua bentuk, iaitu boleh dilihat dan tidak boleh dilihat. Darah yang tidak boleh dilihat berkaitan dengan unsur simbolik, iaitu unsur panas/sejuk, bersih/kotor dan beku/cair. Kedua-dua jenis darah ini berfungsi secara primari untuk menyuburkan dan menyihatkan tubuh. Tubuh menjadi sejuk akibat kekurangan darah ekoran daripada proses

bersalin. Majoriti informan percaya bahawa kekurangan darah boleh melemahkan tenaga. Untuk mengembalikan keseimbangan darah mereka perlu memakan pelbagai jenis tumbuhan ubatan, baik dalam bentuk semula jadi, air hangat dan/atau *capsule*.

Semasa bersalin, wanita banyak menggunakan tenaga semasa *meneran*. Majoriti informan percaya saiz bayi mempengaruhi perjalanan bayi keluar daripada saluran peranakan dan dalam sesetengah keadaan boleh menyebabkan saluran peranakan menjadi luka. Bayi yang besar memerlukan ibu meneran lebih kuat. Ramai informan tidak hendak anak kembar atau anak terlalu besar dalam usaha untuk mengurangkan kesakitan semasa bersalin dan mengurangkan penggunaan tenaga. Mengikut seorang informan utama, bidan kerajaan tidak menunggu lama untuk membolehkan poses bersalin berlaku secara normal. Mereka selalunya mencadangkan supaya ibu di hantar ke hospital sahaja sekiranya bayi lambat keluar kerana takut mengambil risiko. Mengikut beliau lagi, di zaman dahulu, bidan kampung menunggu dengan sabar (seperti satu malam, satu hari satu malam) terutama bagi wanita yang bersalin anak sulung supaya mereka boleh bersalin secara normal. Proses bersalin juga boleh terganggu sekiranya ada gangguan makhluk ghaib. Mengikut kesemua bidan kampung yang ditemu bual, makhluk ghaib boleh menyekat saluran peranakan atau menghisab darah ibu semasa bersalin. Tubuh ibu menjadi lemah. Tubuh yang lemah dan/atau peranakan tersekat sangat merbahaya kepada nyawa ibu dan bayi. Jadi pelbagai macam usaha mereka lakukan bagi memudahkan proses bersalin. Proses bersalin boleh menyebabkan saluran peranakan menjadi luka. Luka kalau tidak dirawat dan tidak mengikuti pantang boleh menyebabkan mereka sakit apabila duduk bersila, saluran peranakan bernanah, menjelaskan keupayaannya untuk bersalin di masa depan dan sakit semasa mengadakan hubungan seks. Seorang bidan mengatakan bahawa peranakan dan saluran peranakan wanita boleh dipulih seperti asal (macan anak dara) kalau mereka betul-betul mengamalkan pantang yang sepatutnya.

Selepas selamat bersalin, wanita dikatakan berada *dalam pantang*. Dalam pantang dalam kalangan orang Melayu Kelantan merujuk kepada 40 hingga ke 100 hari selepas bersalin di mana wanita dibebaskan daripada tanggungjawab sosial dan perlu berusaha untuk menyuci dan merawat tubuh. Tubuh wanita *dalam pantang* berada dalam keadaan kotor dan tercemar. Mereka yang kotor dan tercemar perlu diasingkan dan disucikan. Mengikut kesemua bidan kampung, di zaman dahulu, wanita *dalam pantang* diasingkan ke satu sudut dalam rumah dengan menyediakan tempat perbaringan dan di bawahnya diletak dapur *dian*. Pengasingan ini elok untuk mereka merehatkan tubuh. Mereka tidak digalakkan untuk tidur bersama dengan suami dan ahli keluarga lain kerana takut kekotoran berpindah kepada orang lain apabila berlaku kontak. Kepercayaan ini telah memberi justifikasi kepada wanita untuk menolak hubungan seks dan dibebaskan daripada melakukan kerja-kerja rumah harian sepanjang tempoh berpantang. Mereka dibebaskan daripada melakukan peranan sosial dalam lingkungan domestik dan awam. Tubuh yang kotor tidak boleh membuat kerja-kerja seperti memasak makanan, membasuh pakaian dan membuat kerja-kerja rumah yang lain kerana kekotoran boleh memudaratkan orang lain. Di samping itu, kerja-kerja tersebut juga boleh menyebabkan tubuh wanita menjadi sejuk dan lemah kerana ada kontak dengan air (unsur sejuk) dan penggunaan tenaga. Segala tugas-tugas rumah tangga mereka sepatutnya dilakukan oleh ahli keluarga lain. Dengan adanya masa *dalam pantang* ini wanita mendapat ruang untuk rehat, menyucikan dan merawat diri. Ini selaras dengan ajaran agama Islam. Wanita Islam *dalam pantang* tidak boleh sembahyang, puasa, membaca A-Quran dan menunaikan haji.

Dalam pantang memberi ruang kepada wanita untuk memulihkan urat yang putus dalam tubuh. Mereka percaya setiap kali bersalin satu urat putus. Mengikut seorang bidan kampung, setiap kali wanita bersalin secara normal, satu helai uratnya “putus”. Kalau mereka bersalin empat orang anak bermakna empat urat mereka

putus. Dalam keadaan di mana anak terlalu atau saluran peranakan terlalu kecil dan tidak terbuka, ibu terpaksa meneran lebih lama. Lagi banyak wanita meneran lagi banyak urat-urat dalam tubuhnya terputus dan juga banyak kehilangan tenaga. Selain daripada urat putus, mempunyai anak yang ramai tidak memberi peluang kepada mereka untuk melayan suami dengan sempurna selepas habis pantang.

Proses bersalin menyebabkan peranakan wanita menjadi terbuka, kembang dan bengkak setelah bayi yang berada dalamnya selama tujuh (7) ke sembilan(9) bulan sudah keluar. Peranakan yang bengkak, kembang dan terbuka perlu dikecutkan kepada keadaan asal. Semua informan utama menggunakan konsep terbuka/tertutup, longgar/ketat, berair/kering dalam menerangkan keadaan peranakan wanita semasa dalam pantang. Untuk tujuan mengecut peranakan, majoriti informan mengatakan bahawa mereka mengamalkan bertungku, berurut, berbekum, minum air akar kayu dan berdian. Mengikut semua bidan kampung yang ditemu bual, peranakan yang elok ialah peranakan yang kering, ketat dan tertutup. Manakala peranakan yang tidak elok pula ialah peranakan yang berair, terbuka, longgar dan jatuh. Mereka percaya bahawa peranakan ialah alat penting dalam pengeluaran manusia yang perlu dijaga dan dirawat dengan baik. Terdapat tiga alasan yang diberikan oleh semua bidan kampung tentang kenapa peranakan perlu dikecutkan, iaitu mengelakkan perut daripada buncit, mencegah mengandung semula (senang lekat perut, iaitu istilah yang digunakan oleh orang Kelantan untuk mengandung) dan suami tidak mendapat kepuasan semasa mengadakan hubungan seks.

Wanita Dan Penggunaan Tumbuhan Ubatan

Wanita Melayu Kelantan banyak menggunakan tumbuhan ubatan semasa bersalin dan dalam pantang. Alasan yang majoriti informan berikan tentang penggunaan tumbuhan ubatan adalah seperti dalam Jadual 1. Terdapat empat cara bagaimana informan ini memperolehi

tumbuhan ubatan yang mereka gunakan, iaitu ahli keluarga mendapatkannya dari persekitaran (seperti daun napir, serengan), bidan mencarinya, membeli di pasar (seperti kunyit, kelapa, halia, lengkuas dan rempah ratus) dan menanam sendiri di sekeliling rumah (seperti mengkudu, pandan wangi, serai wangi, serai, lengkuas).

Jadual 1: Alasan tentang kegunaan tumbuhan ubatan

BERSALIN	DALAM PANTANG
<ul style="list-style-type: none"> • Mengurangkan sakit dan luka semasa bersalin • Mempercepatkan proses bersalin • Mencegah bayi daripada songsang • Mengurangkan saiz uri • Mengawal daripada gangguan makhluk ghaib 	<ul style="list-style-type: none"> • Menghilangkan rasa lenguh dan sakit selepas bersalin • Meningkatkan darah dalam tubuh • Menyucikan darah • Mengeluarkan lebihan uri daripada <i>uterus</i> • Memulihkan tenaga dan kekuatan yang hilang semasa bersalin • Meningkatkan pengeluaran susu badan • Mengawal daripada gangguan makhluk ghaib • Mengembalikan keseimbangan tubuh • Mengubati luka pada saluran peranakan.

Tumbuhan ubatan yang digunakan semasa bersalin dan dalam pantang ini ada yang digunakan secara keseluruhan dan ada juga yang menggunakan bahagian tertentu sahaja. Bahagian tumbuhan ubatan yang biasa mereka guna ialah daun, batang, pucuk, akar, ranting, buah, bunga, kulit dan juga keseluruhan tumbuhan (bergantung kepada jenis tumbuhan dan kegunaan). Tumbuhan ini digunakan dalam pelbagai cara, iaitu dalam bentuk air ubat, minyak dan bebat, dimakan atau disapu begitu sahaja. Air ubat dihasilkan dengan menumbuk, mengiling, mengasah, meramas atau merebus bahagian tumbuhan

yang hendak dijadikan ubat bersama-sama dengan tumbuhan dan/ atau bahan-bahan lain. Air tumbuhan ini digunakan untuk minum, mandi atau membasuh tempat yang sakit. Dalam keadaan tertentu, tumbuhan ubatan disapu secara terus ke tempat yang sakit dengan mengasahkan akar, kulit atau daun dengan kemenyan. Cara ini selalunya digunakan untuk mengubat bengkak atau luka rahim. Bebat dibuat dengan menumbuk atau menggiling tumbuhan ubat bersama dengan bahan lain (bahan yang kerap digunakan ialah kapur dan air limau nipis). Bebat banyak digunakan untuk mengubati luka dalam, mengecutkan peranakan dan mengempiskan perut.

Bersalin

Dalam kes bersalin, majoriti informan muda mengatakan bahawa mereka bersalin di hospital bukan di rumah. Walaupun bersalin di hospital, mereka masih lagi menggunakan tumbuhan ubatan dan cara tradisional dalam usaha untuk mempercepatkan serta menghindari gangguan makhluk ghaib. Majoriti informan memberitahu mereka meminum air selusuh, minyak selusuh (minyak kelapa), minum air kembang semangkuk (*scaphium macropodum*) dan menyapu air atau minyak selusuh ke perut sebagai usaha untuk memudahkan proses bersalin dan menghilangkan rasa sakit semasa bersalin. Bagi informan yang bersalin di hospital, mereka meminum atau menyapu air dan/atau minyak selusuh sebelum masuk bilik bersalin. Bagi informan yang tidak sempat berbuat demikian, kaum keluarga terdekat membawa *air kembang semangkuk*, air atau *minyak selusuh* ke hospital. Selalunya bahan ini diberi kepada suami dan kaum keluarga yang masuk ke wad wanita menunggu untuk bersalin. Air dan minyak selusuh ini diambil oleh mereka atau kaum keluarga daripada ahli agama yang dihormati di tempat tinggal mereka. Selain daripada minyak dan air selusuh, ada juga informan yang menggunakan air kembang semangkuk.

Ciri yang dimiliki oleh tumbuhan yang digunakan untuk air atau minyak selusuh berserta dengan doa yang dibaca oleh orang soleh dipercayai boleh menolong mempercepatkan proses bersalin. Ciri buah yang kembang atau terbuka disamakan dengan saluran peranakan yang juga akan kembang dan terbuka. Ini memudahkan bayi keluar. Mereka percaya bahawa ciri-ciri dan nama tumbuhan (kembang) dan bahan yang terhasil daripada tumbuhan (seperti licin) berpindah kepada wanita apabila mereka diberi minum atau disapu. Mereka percaya ada korelasi antara ciri atau nama tumbuhan dan bahan yang terhasil daripadanya dengan proses bersalin. Proses bersalin menjadi cepat kerana saluran peranakan menjadi kembang sebagaimana kembangnya buah kembang semangkuk yang mereka minum. Minyak selusuh yang diperbuat daripada minyak kelapa yang memiliki ciri-cirinya yang licin dan ajaib berserta dengan doa yang dibaca oleh ahli agama berupaya melicinkan saluran peranakan dan bayi keluar dengan mudah. Proses bersalin menjadi cepat, tidak memenatkan dan merbahayakan ibu serta menghindari bayi daripada lemas atau kulitnya terluka. Kepercayaan ini sebenarnya ada kaitan dengan kepercayaan magis, iaitu magis berjangkit dan homeopatik.

Dalam Pantang

Selepas bersalin, wanita Melayu Kelantan dikatakan berada *dalam pantang* atau *duduk atas dapur dian*. Semasa *dalam pantang* mereka perlu berusaha untuk mengembalikan keseimbangan unsur tubuh, menyucikan tubuh, merawat luka, mengembalikan tenaga dan mengelutkan organ-organ tubuh (peranakan dan saluran peranakan). Majoriti informan dan informan utama menyatakan bahawa tumbuhan ubatan banyak digunakan semasa *dalam pantang*, iaitu semasa mandi teresat, merawat luka, bertungku dan berurut, berbekum dan memulihkan unsur tubuh

a. Mandi Teresat

Mandi teresat ialah mandi dengan menggunakan air yang direbus bersama-sama beberapa jenis daun tumbuhan ubatan (Jadual 2). Daun yang digunakan untuk air teresat ini mempunyai bau yang wangi (serai wangi dan pandan wangi), ringan (nama serengan), rasa pedas dan pahit (lengkuas, mengkudu, beka, jambu butir banyak) serta warna keputihan dan kekuningan (tudung periok, inai). Kewangian daun berpindah ke tubuh ibu yang menggunakannya. Tubuh yang wangi adalah tubuh yang bersih. Tubuh yang bersih boleh menjauhkan gangguan hantu. Rasa pahit dan pedas boleh mengembalikan unsur tubuh kepada panas kerana pahit dan pedas adalah dua unsur panas. Kepanasan yang ada pada daun-daun ini boleh menaikkan kepanasan tubuh dan seterusnya mengembalikan keseimbangan unsur tubuh. Nama pokok dipercayai ada korelasi dengan penyakit yang ada dalam tubuh. Daun pokok serengan dipercayai boleh meringan penyakit yang ada dalam tubuh wanita. Semua ini ada kaitan dengan kepercayaan magis homeopatik, iaitu persamaan adalah sama. Tumbuhan yang mempunyai ciri yang sama dengan cecair atau organ tubuh sesuai untuk digunakan bagi menrawat cecari dan organ tersebut.

Jadual 2: Tumbuhan yang digunakan untuk mandi teresak

NAMA MELAYU	NAMA LATIN
Daun tudung periok	tempayan sj
Daun mengkudu	<i>Morinda spp</i>
Daun serengan	<i>Flemingia strobilifera</i>
Daun inai	<i>Lawsonia inermis</i>
Daun beka	
Daun Kenangga	<i>Canangium odoratum</i>
Daun jambu butir banyak	
Daun pandan wangi	<i>Pandanus spp</i>
Daun serai wangi	<i>Cymbopogon nardus</i>

Daun kantan	(Phaeomeria speciosa)
Daun lengkuas	Alpinia galanga

Mengikut kesemua informan utama, mandi teresat mempunyai empat fungsi utama. Pertama, menghilangkan bau busuk pada tubuh wanita akibat daripada darah kotor. Kedua, mengembalikan semangat wanita dalam pantang. Ketiga, menyucikan tubuh yang kotor. Keempat, menghindari daripada gangguan makhluk ghaib. Tubuh wanita semasa dalam pantang dikatakan tidak suci, kotor dan tercemar. Tubuh yang tercemar terdedah kepada gangguan hantu/makhluk ghaib. Makhluk ghaib suka menganggu mereka yang kotor dan lemah semangat. Jadi wanita dalam pantang mesti dimandikan dengan air teresat sekurang-kurangnya tiga pagi. Pada zaman dahulu mereka dimandikan oleh bidan kampung tetapi sekarang kebanyakan mereka mehyatakan bahawa mereka mandi sendiri dengan pertolongan ahli keluarga. Bidan kampung bukan sahaja membaca doa dan jampi tetapi juga mementingkan arah dan kedudukan ibu semasa menjiruskan ke badan. Selain daripada itu, masa, hari, bilangan dan cara daun-daun tumbuhan diambil juga dipercayai boleh mempengaruhi keberkesannya. Badan wanita yang dimandikan dengan air teresat ini berbau sedap dan menyegarkan. Sekarang, mandi yang melibatkan penggunaan daun dan bunga-bunga untuk tujuan menyuci dan menyegarkan tubuh sudah diambil alih oleh SPA, iaitu berlaku di luar rumah, dilakukan pada bila-bila masa dan menjadi sumber pendapatan untuk golongan tertentu.

b. Merawat Luka

Wanita Melayu Kelantan banyak menggunakan akar atau daun kayu untuk mengeringkan luka dan mengelutkan peranakan selain daripada menggunakan ubatan daripada hospital. Majoriti bidan yang

ditemui bual menyenaraikan tumbuhan ubatan yang boleh digunakan untuk mengeringkan luka akibat bersalin (Jadual 3).

Jadual 3: Jenis Tumbuhan dan cara penggunaannya untuk merawat luka

BIL	NAMA MELAYU	NAMA SAINSTIFIK	CARA KEGUNAAN
1	Pokok Bunga Kenanga	<i>Canangium odoratum</i>	Akar bunga 1 – 4 diasah di belakang pasu tanah dengan kemenyan (<i>Styrax benzoin</i>) dan disapu di pangkal rahim selama tiga pagi. Seelok-eloknya dilakukan di hari pertama selepas bersalin.
2	Cempaka	<i>Gardenia spp</i>	Akar bunga 1 – 4 diasah di belakang pasu tanah dengan kemenyan (<i>Styrax benzoin</i>) dan disapu di pangkal rahim selama tiga pagi. Seelok-eloknya dilakukan di pagi pertama selepas bersalin.
3	Bunga Tanjung	<i>Minmosops elengi</i>	Akar bunga 1 – 4 diasah di belakang pasu tanah dengan kemenyan (<i>Styrax benzoin</i>) dan disapu di pangkal rahim selama tiga pagi. Seelok-eloknya dilakukan di pagi pertama selepas bersalin.

4	Kenerak	<i>Goniothalumus tapis</i>	Akar bunga 1 – 4 diasah di belakang pasu tanah dengan kemenyan (<i>Styrax benzoin</i>) dan disapu di pangkal rahim selama tiga pagi. Seelok-eloknya dilakukan di pagi pertama selepas bersalin.
5	Paku	<i>Cibotium barometz</i>	Sisik yang berupa bulu-bulu panjang yang berwarna perang diletakkan di tempat luka. Seelok-eloknya dimulakan di pagi pertama selepas bersalin.

Mengikut kesemua informan utama, akar bunga yang berbau harum dan sedap memang sesuai dengan luka pangkal rahim kerana fitrahnya yang cantik, berbau sedap serta memiliki kebesaran, kesucian dan unsur panas. Hanya benda yang cantik, harum dan sedap baunya sahaja yang sesuai untuk merawat bahagian yang amat berharga kepada wanita dalam pengeluaran modal insan. Selain daripada akar bunga-bunga tersebut, ada juga informan utama yang memberitahu bahawa wap daun dan batang sirih yang dimasukkan ke dalam air panas baru mendidih berkesan untuk menyecutkan peranakan dan mengeringkan luka. Wanita Melayu Kelantan percaya bahawa sirih memiliki unsur kepanasan dan kebesaran yang sangat mujarab untuk mengecutkan peranakan, mengeringkan luka dalaman dan menghalau gangguan hantu. Unsur kepanasan dan kebesaran yang dimiliki sirih boleh mengeringkan darah dan lendir kotor yang wujud semasa mengandung. Wap air daun dan batang sirih juga berperanan untuk menyucikan rahim serta menghilangkan rasa lenguh-lenguh tubuh.. Rahim dipercayai berbau sedap selepas diwapkan dengan daun dan batang sirih. Sirih secara simboliknya berkait dengan triniti Hindu. Gabungan sirih dengan kapur, gambir dan buah pinang apabila

dimakan dan digunakan dalam upacara amat besar khasiatnya. Buah pinang dikaitkan dengan Brahman, pencipta; daun sirih dengan Vishnu, dengan pelindung; dan kapur dengan Shiva, pemusnah (Rooney 1993: 34). Ini bermakna, apa-apa yang berkaitan dengan sirih, dipercayai memiliki unsur-unsur pencipta, pelindung dan juga pemusnah. Penggunaan sirih dipercayai boleh melindungi diri orang yang menggunakannya di samping berupaya untuk memusnahkan unsur jahat yang ada dalam diri pengguna.

c. Bertungku dan Berurut

Semasa dalam pantang, wanita Melayu Kelantan mendapat khidmat bidan kampung untuk bertungku dan berurut. Mereka yang bersalin melalui pembedahan tidak mengamalkan bertungku dan berurut semasa *dalam pantang*, tetapi ada juga yang melakukannya setelah selepas 100 hari. Tungku yang digunakan untuk bertungku ini dibuat daripada logam atau batu hidup. Mereka percaya batu hidup lebih baik kerana sifatnya yang hidup boleh menolong dalam proses penyembuhan. Tungku ini dipanaskan terlebih dahulu dan setelah panas ia diletak di atas kain yang dialas dengan beberapa jenis daun seperti daun beka, napir, betik rambai (lihat Jadual 4).

Jadual 4: Jenis tumbuhan yang digunakan untuk alas tungku

NAMA MELAYU	NAMA LATIN
Daun kapal terbang	
Daun jarak	<i>Ricinus communis</i>
Daun napir	
Daun betik rambai/jantan	
Daun serai kayu	<i>Eugenia polyantha</i>
Daun beka	
Daun mengkudu	<i>Morinda spp</i>
Daun ubi kayu	

Dalam Jadual 4, didapati lapan jenis daun digunakan sebagai alas/pelapik tunggu. Daun tersebut digunakan kerana dipercayai berupaya untuk meresap dalam tubuh dan memperbaiki pengaliran darah dan lendir dalam tubuh, memecahkan lendir dan darah beku yang mengikuti kelahiran dan mengandung, membetulkan urat-urat tersimpul dan mengecutkan organ yang bengkak atau kembang. Manakala angin dan lendir yang terperangkap dalam tulang pecah dan ini melancarkan pengaliran darah dan lendir. Apabila darah dan lendir berjalan lancar, ini bermakna kesihatan tubuh wanita kembali berada dalam keadaan yang baik.

Jumlah hari wanita bertungku dan berurut bergantung taraf ekonomi mereka tetapi mestilah dalam angka ganjil, iaitu satu, tiga, lima atau tujuh. Bertungku dan berurut semasa dalam pantang bertujuan untuk membetulkan kedudukan peranakan, mengecutkan urat bengkak, melancarkan perjalanan darah, susu dan menegangkan payu dara. Bertungku bukan sahaja dilakukan oleh bidan tetapi juga dilakukan sendiri oleh wanita dalam pantang atau kaum keluarga perempuan. Wanita Melayu Kelantan percaya lebih lama seseorang itu bertungku dan berurut, lagi baik untuk kesihatan dirinya. Luka dalaman menjadi cepat sembuh apabila ditungku kerana terkena bahang panas daripada tungku yang dibakar dan juga unsur-unsur yang dimiliki oleh daun kayu yang dijadikan alas.

d. Barut Perut (Berbekum)

Peranakan menjadi terbuka, kembang dan bengkak setelah bayi yang berada dalamnya selama tujuh ke sembilan bulan dikeluarkan. Peranakan yang bengkak, kembang dan terbuka ini perlu dikecutkan kepada keadaan asal. Tiga alasan yang diberikan oleh informan utama kenapa peranakan perlu dikecutkan, iaitu mengelakkan perut daripada buncit, senang mengandung (senang lekat perut) dan ketakpuasan suami dalam hubungan seks. Seorang informan utama

mengatakan bahawa peranakan wanita boleh dipulih seperti asal (macam anak dara) kalau mereka betul-betul barut perut. Barut perut selalunya dilakukan pada malam hari untuk beberapa hari, selalunya dalam angka ganjil (tiga, lima, tujuh). Tetapi seelok-eloknya barut perut dilakukan sepanjang dalam pantang. Mengikut kesemua informan utama, bahan yang biasa digunakan untuk barut perut ialah kapur, limau nipis (*Citrus anrantifolia*) dan kunyit (*Curcuma domestica Valeton*). Semua benda ini dipercayai memiliki unsur panas dan unsur kebesaran. Unsur panas dan kebesaran boleh mengecutkan yang bengkak serta mengeringkan unsur yang tertinggal dalam tubuh. Tujuan barut perut ialah untuk mengembalikan perut wanita kepada bentuk asal dan juga mengempiskannya. Sekarang sudah ada wanita yang membeli ubat barut perut dari kedai ubat yang banyak menjual ubat-ubat tersebut yang dikenali dengan pelbagai jenama (seperti Mak Dara).

e. Mengembalikan Keseimbangan Unsur Tubuh

Dalam usaha untuk mengembalikan keseimbangan unsur tubuh, wanita Melayu Kelantan digalakkan memakan makanan panas dan juga meminum air akar kayu, tonik serta jamu, majun¹ dan ladu². Pengambilan tonik semasa pantang menguntungkan wanita (Mital & Gopaldas dalam Burghart 1990). Semua ini dapat mempercepatkan proses pengeringan darah kotor dalam tubuh. Namun begitu, pengambilan bahan dan makanan panas secara berlebihan boleh menjelaskan kesihatan bayi yang diberi susu ibu. Susu menjadi panas apabila ibu mengambil makanan dan bahan panas secara berlebihan. Bayi boleh mendapat penyakit cirit birit kerana perut mereka masih

¹ Ubat tradisional yang diperbuat dari herba daripada rempah ratus yang dibentuk bulat-bulat dan dimakan sebagai usaha untuk mengembalikan keseimbangan tubuh dan kesihatan

² Ladu adalah sejenis makanan yang diperbuat daripada campuran tepung beras pulut dengan berbagai jenis rempah ratus.

muda tidak dapat menyesuaikan diri dengan kepanasan susu ibu. Ibu yang mengambil makanan dan bahan panas dengan banyak dan di masa yang sama berdian boleh mengalami pening kepala dan pitam. Oleh kerana itu, mereka perlu mendapat bimbingan daripada bidan kampung atau orang-orang tua dalam hal-hal yang berkaitan dengan pengambilan tumbuhan ubatan semasa dalam pantang.

Mereka tidak boleh makan semua tumbuhan yang dikelaskan sebagai sejuk. Ini bermakna wanita dalam pantang tidak boleh makan kebanyakan sayur-sayuran dan buah-buahan kerana dikelaskan sebagai sejuk, berangin dan tajam. Mereka hanya boleh makan tumbuhan yang dikelaskan sebagai panas. Tumbuhan yang dikelaskan sebagai panas dan boleh dimakan oleh wanita dalam pantang adalah seperti dalam Jadual 5 di bawah. Tumbuhan ini pula tidak banyak dimakan kerana adanya kepercayaan tentang kesan kepada bayi, selain daripada tidak digemari oleh mereka.

Jadual 5: Tumbuhan yang boleh dimakan Semasa dalam Pantang

NAMA MELAYU	NAMA LATIN	KEGUNAAN	CARA MENGGUNA
Kunyit	<i>Curcuma domestica</i> Valeton	Memulihkan dan menguatkan peranakan bagi wanita yang susah mengandung serta menyembuhkan peranakan selepas bersalin;	Ibu kunyit, beras + daun guni tanah ditumbuk & airnya diminum untuk perbaiki peranakan. Dimakan begitu sahaja atau ditumbuk dengan akar bunga melur/limau gemala Kerbau dan beberapa bahan lain.

Halia	<i>Zingiber officinale</i> Rosc.	Memanaskan badan, membuang angin dan menghilangkan loya pagi semasa mengandung dan menguatkan tubuh	Makan mentah semasa mengandung atau direbus dan diminum airnya semasa dalam pantang
Lengkuas	<i>Alpinia galanga</i> Swartz	Mengubati loya pagi dan memulihkan organ peranakan semasa dalam pantang	Dimakan begitu sahaja atau direbus dengan bahan-bahan lain
Mengkudu	<i>Morinda citrifolia</i> Linn	Untuk mengempiskan perut dan mengembalikan tenaga semasa dalam pantang	Daun digunakan Lapik tungku dan dimakan semasa dalam pantang
Sirih	<i>Piper betle</i> Linn	Menyucikan rahim, mengubati luka bersalin dan mengubat penyakit keputihan	Masukkan dalam air mandi dan juga di rebus bersama dengan bahan lain dan diminum

Kesum	<i>Polygonum minus</i> Huds	Memulihkan tenaga dan menyembuhkan luka-luka dalaman selepas bersalin	Daun kesum direbus bersama dengan beberapa daun lain dan diminum
Lebam	<i>Vitex pubescens</i>	Mengubati penyakit haid, Memulihkan tenaga dan menyembuhkan luka-luka dalaman selepas bersalin	Daun muda dimakan begitu sahaja
Bawang Putih	<i>Allium sp</i>	Merawat loya pagi dan pemberi tenaga	Dimakan begitu sahaja tetapi tidak boleh banyak-banyak semasa mengandung kerana ia panas
Limau nipis	<i>Citrus anrantifolia</i>	Mengempiskan dan menghilangkan calar-calar semasa mengandung	Dicampur dengan kapur dan disapu di perut.

Bahagian tumbuhan ubatan yang biasa mereka guna ialah daun, batang, pucuk, akar, ranting, buah, bunga, kulit dan juga keseluruhan tumbuhan (bergantung kepada jenis tumbuhan dan kegunaan). Selalunya, periuk atau bekas yang digunakan untuk merebus air ubat dipanaskan berulang-ulang kali sehingga bahan-

bahan yang direbus kehilangan warna atau baunya. Dalam keadaan tertentu, tumbuhan ubatan disapu secara terus ke tempat yang sakit dengan mengambil cecair atau getah dari bahagian tertentu seperti akar, kulit atau daun. Cara ini selalunya digunakan untuk mengubat bengkak atau luka rahim atau payu dara. Kadangkala tumbuhan ini dibakar sehingga hangus atau dilayur di atas api dan disapu di tempat yang sakit. Bebat dibuat dengan menumbuk atau menggiling tumbuhan ubat bersama dengan bahan lain (bahan yang kerap digunakan ialah kapur dan air limau nipis) dan diletakkan di perut dan ditarut. Bebat banyak digunakan semasa dalam pantang untuk mengubati luka dalam, mengecutkan peranakan dan mengempiskan perut.

Kesimpulan

Wanita Melayu berusaha untuk menghindari penyakit dan gangguan makhluk ghaib semasa bersalin dan dalam pantang. Usaha mereka ini banyak melibatkan tumbuh-tumbuhan ubatan. Prinsip yang mendasari pemikiran mereka terbahagi kepada dua, iaitu kepercayaan magis kepada magis homeopatik dan berjangkit dan keseimbangan tubuh. Pengamalan semasa bersalin dan dalam pantang merupakan usaha mereka untuk memahami hubungan penyebab dan kesan penyakit. Mereka percaya bahawa tumbuhan yang mempunyai nama, bentuk (daun, bunga, akar, batang, buah), warna, bau atau ciri yang mempunyai persamaan dengan organ, warna dan cecair tubuh sesuai untuk digunakan bagi mengubati penyakit berkaitan dengan organ atau cecair tersebut. Manakala tumbuhan ubatan yang ada hubungan dengan sesuatu, walaupun seketika terus saling pengaruh mempengaruhi antara satu sama lain. Mereka juga percaya bahawa domain fizikal, mental dan moral saling pengaruh mempengaruhi satu sama lain sekiranya berlaku kontak. Keseimbangan tubuh terganggu apabila darah banyak keluar, tenaga banyak digunakan

untuk meneran dan darah kotor tidak keluar habis semasa bersalin. ketakseimbangan ini harus diubat dengan mengamalkan pantang dari segi makanan yang dimakan serta juga tingkah laku. Amalan semasa bersalin dan dalam pantang memberi kekuatan kepada wanita kerana merasakan berupaya untuk mengawal apa yang tidak boleh dikawal. Ini mengurangkan keraguan yang timbul daripada keadaan risiko dan ketakpastian. Mereka mendapat kekuatan emosi dan rohani.

Rujukan

- Aishah Haji Mohamed & A.Aziz Bidin. 1993. Tumbuhan daripada perspektif antropologi. *SARI*. 11.
- Aishah Haji Mohamed & A.Aziz Bidin. 2010. Kepercayaan, tumbuhan ubatan dan orang Melayu. *Manusia dan Masyarakat*. 19:70 – 84.
- Barakat E. Abu-Irmaileh & Fatima U.Afifi. 2003. Herbal medicine in Jordan with special emphasis on commonly used herbs. *Journal of Ethnopharmacology*. 89.
- Beal, M.W. 1998. Women's use of complementary and alternative therapies in reproductive health care. *Journal of Nurse-Midwifery*. Vol. 43(3) May/June.
- Belew, C. 1999. Herbs and the childbearing woman: Guidelines for midwives. *Journal of Nurse-midwifery*. Vol.44(3).May/June.
- Callister, L.C. I. Khalaf, S. Semenic, R. Kartchner & K. Vehvilainen-Julkunen. 2003. The pain of childbirth : perceptions of culturally diverse women. *Pain Management Nursing*, Vol 4, No 4 (December), 45-154
- Castaneda, N., C. Garcia & A.Langer. 1996. Ethnography of fertility and menstruation in rural Mexico. *Social Science and Medicine*. 41.1:133- 140.
- Geissler, P.W. et al. 2002. Medicinal plants used by Luo mothers and children in Bondo district, Kenya. *Journal of Ethnopharmacology*. 83.

- Hawthorne, S. 2004. Wild politics: beyond globalization. *Women's studies international forum*. 27.
- Inhorn. M.C. 2003. Global infertility and the globalization of new reproductive technologies: illustrations from Egypt. *Social Science & Medicine*. 56:1837-1853.
- Kothari, B. 2003. The invisible queen in the plant kingdom: gender perspectives in medical ethnobotany. *Women and plants: gender relations in biodiversity management and conservation*. Disunting P. L. Howard. Zed Books. London. Dengan kerjasama Deutsche Gesellschaft flir Technische Zusammenarbeit, IDRC & CRDI.
- Ngai Fen Cheung. 1997. Chinese zuo yuezi (sitting in for the first month of the postnatal period) in Scotland. *Midwifery*. 13. 55- 65.
- Oboro, V.O. & T.O. Tabowei. 2002. Sexual function after childbirth in Negerian women. *International Journal of Gynecology and Obstetrics*. 78. 249–250.
- Petchesky. R. P. 2003. *Global prescriptions: gendering health and human rights*. Zed Books dengan kerjasama United Nations Research Institute for Social Development. London.
- Raskin, I. D.M.Ribnicky, S. Komarnytsky, N.Ilic, A.Pouley, N. Borisjuk, A. Brinker, D.A. Moreno, C. Ripoll, N.Yakoby, J.M. O'Neal, T. Cornwell, I. Pastor & B. Fridlender. 2002. Plants and human health in the twenty-first century. *TRENDS in Biotechnology*. 20. 12. December.
- Rooney, D.F. 1993. *Betel chewing traditions in South-East Asia*. Kuala Lumpur. Oxford University Press.
- Tesch. B.J. 2001. Herbs commonly used by women: an evidence-based review. *Clinical Journal Women's Health*. 1.
- Varga, C.A, & J.H. Veale. 1997. *ISIHLAMBEZO*: utilization patterns and potential health effects of pregnancy-related traditional herbal medicine. *Social science and medicine*. 44.7 : 911-924.

Westfall, R.E. 2004. Use of anti-emetic herbs in pregnancy: women's choices, and the question of safety and efficacy. *Complementary therapies in nursing & midwifery*. 10.